

Aspek keselamatan pelancong mesti sentiasa diutamakan

Dalam usaha jadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan selamat, sentiasa menjadi destinasi pilihan

BINTULU: Aspek keselamatan pelancong mesti sentiasa diberikan keutamaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat serta sentiasa menjadi destinasi pilihan, kata Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MO-TAC) Datuk Seri Tiong King Sing.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bintulu menyifatkan industri pelancongan sememangnya merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negara, namun kejayaan tidak boleh dinilai berdasarkan angka pertumbuhan semata-mata.

“Namun ada yang lebih penting daripada itu iaitu aspek keselamatan serta keselesaan pelancong atau pengembara dari dalam dan luar negara sekaligus menjaga imej baik negara,” ujarnya dalam satu lontaran di laman Facebooknya semalam.

Baru-baru ini katanya, beliau berkesempatan menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara jenama kend-



TIONG

eraan komersial tempatan, CAM dan Malaysian Inbound Tourism Association (MITA).

Setibanya di lokasi katanya, beliau melihat beberapa bas mini serta kenderaan pelancongan moden yang telah dinaik taraf.

Perkembangan ini katanya, amat menggalakkan yang mana beliau berharap agar CAM akan terus memperkenalkan teknologi baharu serta menetapkan piawaian yang lebih tinggi demi memartabatkan industri pelancongan

“Namun ada yang lebih penting daripada itu iaitu aspek keselamatan serta keselesaan pelancong atau pengembara dari dalam dan luar negara sekali gus menjaga imej baik negara.”

Datuk Seri Tiong King Sing.
Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia

negara.

Katanya, ramai pelancong tidak mempunyai peluang untuk melancong dengan kerap.

“Oleh itu, kita tidak boleh membiarkan sebarang unsur penipuan atau kecuai menjejaskan pengalaman mereka,” tegasnya.

Justeru katanya, hanya melalui kerjasama erat antara kerajaan dan pengusaha dalam mempertahankan prinsip keselamatan serta integriti, industri pelancongan Malaysia mampu berkembang secara mampan dan terus melangkah maju.

Pada masa yang sama jelasnya, kerajaan meman-

dang serius isu pelanggaran kontrak dan ketidakpatuhan pelaksanaan pakej pelancongan. “Sebarang kegagalan menunaikan janji bukan sahaja menjejaskan pelancong, malah memberi kesan kepada reputasi negara,” jelasnya.

Justeru, bagi memastikan kepentingan pengguna terus terpelihara, pengusaha mungkin akan diwajibkan menyediakan jaminan bank sebagai langkah perlindungan.

Tiong menegaskan sekali lagi bahawa mana-mana pihak yang melanggar peraturan boleh ditarik balik lesen dan akan disenaraihitamkan serta tidak dibenarkan membuat permohonan baharu.